



KOPERASI KAKITANGAN KUMPULAN BIMB HOLDINGS MALAYSIA BERHAD

No. Tel: 03-41426922/ 03-41416885

Emel: [keanggotaan@kobimbing.com.my](mailto:keanggotaan@kobimbing.com.my)

#### FAQ: KEANGGOTAAN KOBIMBING

S: Apakah syarat-syarat untuk menjadi anggota KOBIMBING?

- J:
- a) warganegara Malaysia.
  - b) telah mencapai umur lapan belas tahun.
  - c) bermastautin atau mempunyai hartanah atau bekerja dalam Kawasan operasi koperasi ini.
  - d) bukan seorang yang terhadapnya masih berkuatkuasa suatu sabitan bagi kesalahan yang boleh daftar, atau bankrap yang belum dilepaskan, atau pernah dibuang daripada keanggotaan mana-mana koperasi dalam tempoh satu tahun.

S: Bagaimana cara untuk memohon menjadi anggota KOBIMBING?

J: Dapatkan borang daripada website KOBIMBING [www.kobimbing.com.my](http://www.kobimbing.com.my) atau berhubung terus dengan unit keanggotaan melalui alamat emel [keanggotaan@kobimbing.com.my](mailto:keanggotaan@kobimbing.com.my) .

S: Berapakah amaun yang perlu dibayar untuk membolehkan borang keanggotaan diproses dan bagaimana caranya?

J: Fi masuk bagi anggota baru **RM20.00** manakala bekas anggota **RM30.00**. Caranya melalui pindahan atau deposit tunai ke akaun KOBIMBING 14-014-01-005231-9 (Bank Islam).

S: Apakah dokumen yang perlu disertakan untuk mendaftar menjadi anggota KOBIMBING?

J: Borang permohonan yang diisi dengan lengkap, salinan kad pengenalan & resit pembayaran.

S: Berapakah amaun minimum Modal Syer yang perlu dibayar oleh anggota dan bagaimana caranya?

J: Minimum modal syer yang diperlukan adalah **RM300.00**. Anggota boleh membuat pilihan samada untuk membayar terus tunai RM300.00 ataupun melalui potongan gaji maksimum selama 6 bulan.

S: Sekiranya saya ingin membuat penambahan Modal Syer, berapakah had pelaburan yang dibenarkan?

J: Setiap anggota hanya dibenarkan melanggan syer dengan nilai maksima RM250,000.00 sahaja.

S: Berapa lamakah masa yang diambil untuk kelulusan anggota?

J: Kelulusan anggota mengambil masa 14 hari bekerja sekiranya borang permohonan lengkap diisi.

S: Apakah kemudahan yang disediakan untuk anggota dan bagaimana untuk membuat sebarang tuntutan?



KOPERASI KAKITANGAN KUMPULAN BIMB HOLDINGS MALAYSIA BERHAD

No. Tel: 03-41426922/ 03-41416885

Emel: [keanggotaan@kobimbing.com.my](mailto:keanggotaan@kobimbing.com.my)

J: Anggota dapat menikmati semua kemudahan seperti Pembiayaan Peribadi, Tuntutan Khairat Kematian, dan lain-lain dengan syarat tiada tunggakan yuran dan juga syer. Tuntutan mestilah dibuat dalam masa 30 hari daripada peristiwa tersebut. Borang tuntutan boleh didapati melalui unit keanggotaan beserta dokumen yang berkaitan.

S: Berapakah had minimum bulanan bagi potongan yuran ahli?

J: Minimum bulanan bagi potongan yuran ahli adalah **RM42.00** termasuk Takaful Mutiara Plus.

S: Bagaimana sekiranya anggota mahu membuat penambahan atau pengurangan caruman bulanan yuran, syer dan juga deposit?

J: Dapatkan borang daripada unit keanggotaan. Permohonan yang diterima selepas 10 haribulan hanya akan diproses pada bulan berikutnya.

S: Bagaimana jika anggota ingin menamatkan keanggotaan KOBIMBING?

J: Anggota perlu mengisi borang penamatan dengan lengkap beserta sebab untuk berhenti. Sekiranya didapati masih mempunyai tunggakan pembiayaan peribadi, permohonan penamatan keanggotaan secara automatik ditolak.

S: Berapa lamakah masa diambil untuk penamatan keanggotaan serta pulangan semula kesemua simpanan anggota?

J: Proses mendapatkan kelulusan penamatan anggota hanya dibuat sekali sahaja setiap bulan. Sekiranya diluluskan, simpanan akan dikreditkan selepas 6 bulan daripada tarikh borang diterima.

S: Sekiranya saya bersara atau berhenti daripada perkhidmatan BIMB Holdings Berhad, adakah saya boleh meneruskan keanggotaan dengan KOBIMBING?

J: Boleh meneruskan keanggotaan dengan syarat Yuran Anggota tidak kurang dari RM2,000.00.